

# Dasar Penerapan Nilai-nilai Islam di Malaysia: Antara Cabaran dan Harapan

Mohd. Noor Deris

## *Abstract*

*Instituting Malaysia as a fully developed country in the year 2020 requires her leaders and people to have a solid identity based on a certain set of values. There are quarters who are in the opinion that values should be left to individuals and society to decide. However, there are those who feel that if that is so, it will only lead the society into a prolong chaos. The article will focus on the alternative Islamic universal and practical values essential in forming a just and wellbeing nation.*

## Pendahuluan

Perdana Menteri Malaysia Y.A.B. Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad pernah berkata:

*"Demi mencapai pembentukan sebuah negara Malaysia yang benar-benar maju "fully developed" menjelang tahun 2020, pemimpin serta seluruh rakyat negara perlu mempunyai satu identiti yang kukuh. Dalam konteks ini, unsur yang terpenting sekali dalam pembentukan identiti warganegara Malaysia ialah nilai. Ia merupakan satu faktor utama yang boleh memastikan kelahiran sebuah masyarakat yang disegani. Sesuatu bangsa yang tidak mempunyai nilai kehidupan yang tertentu akan mudah menjadi mangsa kepada bangsa lain yang sentiasa berusaha mengembangkan nilai-nilainya dan dengan perkembangan ini akan dapat menguasai bangsa yang tidak mempunyai nilai-nilai yang kukuh."*<sup>1</sup>

Bagi masyarakat Malaysia yang terdiri daripada berbagai kaum dan agama dan menjalani cara hidup yang berbeza-beza, pengamalan nilai-nilai yang dapat diterima oleh semua rakyat adalah menjadi asas penting dalam usaha ke arah membentuk identiti dan perpaduan. Tanpa nilai yang universal ini rakyat akan terdorong untuk menerima dan menyanjung nilai-nilai lain yang sangat asing bagi masyarakat Malaysia. Ini akan menyebabkan kesetiaan rakyat Malaysia serta identitinya sebagai satu warganegara akan menjadi kabur dan maruah bangsa tidak dijunjung tinggi dan mungkin mereka akan memperkecil-kecilkan negara dan bangsa sendiri. Dengan itu rakyat Malaysia haruslah mempunyai identitinya sendiri dengan setiap individu, organisasi dan semua sektor yang melaksanakan pelbagai aktiviti menjadikan kerja yang boleh memberikan sumbangan kepada kesejahteraan negara. Urusan-urusan yang dijalankan dengan penuh rapi, teliti, amanah dan rasa bertanggungjawab boleh membawa kepada pembentukan identiti yang diperlukan oleh sebuah negara seperti Malaysia ini. Tanpa penerimaan nilai-nilai hidup yang mulia tidak mungkin identiti yang membanggakan dapat dicapai.<sup>2</sup>

Sebagaimana yang sedia dimaklumi ‘identiti’ tidak boleh dipisahkan dari nilai. Persoalannya ialah: “Apakah nilai yang boleh digunakan bagi mengukuhkan sesuatu identiti?”

Ramai yang berpendapat masalah nilai lebih sesuai diserahkan kepada individu dan komuniti yang berkenaan untuk menentukannya. Tetapi ini tidak akan menyelesaikan masalah, malah ia akan terakhir dengan kekeliruan yang berterusan di dalam masyarakat.<sup>3</sup> Oleh itu adalah wajar sekiranya dijelaskan secara langsung nilai yang perlu diterima dan diterapkan dalam masyarakat.

Dalam konteks negara kita Malaysia adalah tepat sekiranya nilai itu diasaskan kepada kehendak dan pengajaran Islam bagi membentuk sebuah negara yang produktif dan bermoral tinggi. Mungkin pada awalnya ia akan dipersoalkan menerusi kacamata agama atau budaya lain kerana memilih nilai yang diasaskan kepada satu agama sahaja. Tetapi dengan merenung kembali dan memahami negara Malaysia itu sendiri, setiap rakyat akan mendapati dan menyedari bahawa langkah untuk memilih nilai Islam itu adalah langkah yang wajar. Sebaliknya pula mereka yang tidak memahami tentang kedudukan negara Malaysia dari segi geografi, sejarah, kebudayaan, perlembagaan dan lain-lainnya akan terus mempertikaikan perkara ini. Walau bagaimanapun, setelah melihat secara objektif, maka tidak akan ada satu sebab pun untuk menolak bahawa nilai yang berasaskan kepada agama Islam itu ialah yang paling sesuai untuk membangunkan masyarakat Malaysia umumnya. Nilai-nilai Islam itu boleh menjadi penggerak ke arah membentas unsur-unsur keburukan yang menjadi musuh utama negara ini seperti fahaman komunis, kemiskinan, rasuah, kecuaian, kejahilan, penyelewengan dan sebagainya yang sentiasa mengancam usaha-usaha perpaduan rakyat dan pembangunan negara.

Al-Quran juga telah menamakan agama Islam sebagai agama yang bernilai. Sehubungan dengan hakikat ini, Allah telah berfirman yang bermaksud:

*“Sebenarnya hukum hanyalah bagi Allah. Ia memerintahkan supaya kamu jangan menyembah melainkan Dia. Yang demikian itulah ugama yang betul (bernilai), tetapi kebanyakan manusia tidak mengetahui”<sup>4</sup>*

(Yusuf (12): 40)

Penjelasan ini memberi keyakinan kepada semua orang bahawa kandungan yang terdapat di dalam kitab suci al-Quran itu adalah merupakan nilai-nilai yang mulia kerana ia merupakan bimbingan-bimbingan (*hidayah*) yang datang daripada Allah s.w.t. dan ditujukan kepada semua manusia bukan sahaja kepada yang beragama Islam.

### Konsep

Di dalam membicarakan “Penerapan Nilai-Nilai Islam” perkara utama yang harus diambil kira ialah takrifan dan konsepnya itu sendiri. Kekaburuan tentang konsepnya yang sebenar boleh membantut usaha-usaha ke arah mencapai hasrat pembentukan masyarakat yang dihajati. Ini sekaligus boleh menyebabkan penerapan nilai-nilai Islam kurang berjaya jika setiap anggota masyarakat tidak dapat dibentuk dengan nilai-nilai berkesan.

Dikaji dari sudut definisinya Dasar Penerapan Nilai-nilai Islam (DPNI) membawa maksud Islamisasi dan pengislahan. Bekas Ketua Pengarah Pusat Islam Dr. Abd. Hamid bin Othman dan kini Menteri di Jabatan Perdana Menteri memberi pengertian Penerapan Nilai-Nilai Islam adalah sama dengan pengertian Islamisasi. Tetapi dari segi penekanannya difokuskan kepada jentera-jentera pentadbiran awam.

Ini adalah bertujuan untuk menanamkan akhlak yang murni kepada kakitangan kerajaan.<sup>5</sup>

Di dalam Kamus Dewan perkataan “penerapan” tidak diterangkan, walau bagaimanapun perkataan “terap” adalah dijelaskan di dalamnya yang memberi makna “acuan kuih”. Manakala perkataan “menerap” pula menurut istilah yang terkandung dalam kamus itu bermaksud membuat kuih dengan menggunakan terap.<sup>6</sup>

Dalam hal ini, Maznah Ali cuba memperkenalkan beberapa perkataan yang hampir sama. Di antaranya ialah “*instill*” yang bermaksud mengenalkan sesuatu dengan secara perlahan-lahan atau tahap demi tahap di dalam pemikiran jiwa seseorang.<sup>7</sup>

Menurut beliau, perkataan yang hampir sama juga ialah perkataan Inggeris “*inculcate*” yang memberi makna melaksanakan atau menggunakan ide-ide baru dengan secara paksaan atau penekanan atau kekerasan.<sup>8</sup>

Menurut beliau lagi bahawa kedua-dua perkataan di atas mempunyai tujuan yang sama iaitu untuk melaksanakan nilai-nilai atau prinsip-prinsip yang baru ke dalam jiwa dan pemikiran agar dilahirkan dalam realiti kehidupan. Tetapi kedua-dua perkataan itu mempunyai pendekatan yang berbeza untuk memastikan pelaksanaan prinsip-prinsip atau nilai-nilai yang dikemukakan, iaitu yang pertama

secara perlahan-lahan atau tahap demi tahap ke dalam pemikiran atau jiwa seseorang. Manakala yang kedua adalah secara paksaan dengan menggunakan ide-ide yang baru supaya dilaksanakan oleh individu.<sup>9</sup>

Dari segi istilah Arab pula berkataan “penerapan” hampir sama dengan perkataan “taqrib” yang memberi makna menghampiri atau mendekati.<sup>10</sup> Selain dari itu perkataan yang hampir sama juga ialah “tarqi” yang bererti “tampal” atau “tampung”.<sup>11</sup> Kemudian perkataan “tat’im” yang bermaksud merubah satu bahagian tanpa mejejaskan bentuk asal.<sup>12</sup>

Merujuk kepada perkataan “terap” dan ketiga-tiga perkataan Arab di atas, begitu juga kedua-dua perkataan Inggeris tadi menunjukkan bahawa penerapan nilai-nilai Islam di Malaysia adalah sebagai satu penambahan atau penempelan kepada kekurangan atau kelemahan terhadap prinsip-prinsip atau nilai-nilai yang sedia ada dengan nilai-nilai yang baru agar menjadi satu, tetapi dari segi perjalanan dan budaya masyarakat Malaysia masih kekal seperti yang dahulu juga.

Seandainya inilah konsepnya yang difahami, maka satu lagi cabaran dan halangan untuk mencapai pembentukan sebuah negara Malaysia yang benar-benar maju.

Penerapan nilai-nilai Islam mengikut tafsiran yang sempit ini adalah terkeluar dari landasan wahyu Ilahi dan Sunnah Rasul. Ia tidak boleh dianggap bersesuaian dengan cita-cita murni. Sehubungan dengan hakikat ini Allah menjelaskan di dalam al-Qur'an bahawa Islam dengan prinsipnya yang syumul menghendaki umat manusia menerima atau memasuki Islam secara menyeluruh, bukannya secara tempelan sahaja atau memasukkan beberapa nilai yang dipilih ke dalam sistem lain yang kabur. Firman Allah Yang bermaksud:

*“Wahai orang-orang yang beriman, masuklah kamu ke agama Islam dengan mematuhi segala hukum-hukumnya, dan janganlah kamu menurut jejak langkah Syaitan, sesungguhnya syaitan itu musuh bagi kamu yang terang nyata”*

(al-Baqarah (2): 208)

Dalam suatu ayat yang lain, Allah berfirman, maksudnya:

*“Dan tidaklah harus bagi orang-orang yang beriman, lelaki dan perempuan apabila Allah dan rasulNya menetapkan keputusan bagi sesuatu perkara - mempunyai hak memilih ketetapan sendiri mengenai urusan mereka. Dan sesiapa yang tidak taat kepada hukum Allah dan rasul-Nya, maka sesungguhnya ia telah sesat dengan kesesatan yang jelas”*

(al-Ahzab (33): 36)

Dalam suatu ayat yang lain pula, Allah berfirman yang maksudnya:

*“Dan tiadalah Kami mengutusmu (wahai Muhamad) melainkan untuk umat manusia seluruhnya, sebagai rasul pembawa berita gembira (kepada orang-orang yang beriman, dan pemberi amaran*

(kepada orang-orang yang ingkar); akan tetapi kebanyakan manusia tidak mengetahui (hakikat itu)"

(Saba (34): 28)

Ayat-ayat di atas menjelaskan bahawa prinsip menyeluruh itu sebenarnya suatu ketetapan dari Allah. Dalam menerima pakai segala keputusan Allah tidak boleh bertolak ansur.

Jika tidak maka pincanglah kehidupan. Pegangan kepada konsep penempelan atau campur aduk antara yang baik dengan yang buruk lebih memburukkan lagi keadaan. Ibarat memasuk atau menerapkan beberapa sudu susu ke dalam segelas arak.

Allah berfirman yang bermaksud:

*"Dan janganlah kamu campur adukkan yang benar itu dengan yang salah, dan kamu sembunyikan yang benar itu pula pada hal kamu semua mengetahuinya"*

(al-Baqarah (2): 42)

Nilai-nilai Islam yang bersifat sejagat haruslah dihayati sepenuhnya oleh orang Islam dan bukan Islam. Dan dalam keadaan ini orang Islam sepatutnya menjadi model dan teladan. Setiap anggota masyarakat wajar mengamalkan nilai-nilai Islam yang boleh membantu ke arah pembentukan masyarakat yang bermoral dan beretika. Tanpa kerjasama dari semua pihak, sudah tentu pembentukan masyarakat yang dihajati tidak akan tercapai.

Dalam hubungan ini, semua pihak wajar mahukan Malaysia sebagai negara maju dengan caranya tersendiri tanpa terikat cara dan corak negara maju sekarang. Apa yang diinginkan ialah kemajuan yang sempurna. Kemajuan yang dicitacitakan bukan setakat pencapaian lahiriah atau kebendaan, tetapi lebih penting ialah mewujudkan masyarakat sempurna tanpa mengetepikan etika dan nilai keislaman.

Untuk mengetahui dengan lebih jelas lagi pengertian penerapan di dalam konteks pentadbiran awam Malaysia, beberapa orang pemimpin masyarakat yang terlibat secara langsung dan bertanggungjawab terhadap pelaksanaannya telah memberi pandangan dan pendapat berhubung dengan pengertian penerapan nilai-nilai Islam.

Menurut Dato' Dr. Yusuf Noor, pengertian penerapan adalah bergantung kepada kumpulan ethnik yang terdapat di dalam pentadbiran awam Malaysia. Menurut beliau, bagi pentadbir-pentadbir awam beragama Islam perkataan penerapan mestilah bermaksud usaha-usaha gigih pihak kerajaan supaya kakitangan awam lebih-lebih lagi yang beragama Islam mestilah mengamalkan nilai-nilai Islam di dalam kehidupan profesional mereka, sebagai budaya kerja yang dominan. Tetapi pengertian penerapan adalah berbeza bagi kakitangan-kakitangan awam bukan Islam. Menurut beliau, bagi kakitangan-kakitangan bukan Islam penerapan mestilah bermaksud usaha-usaha kerajaan mendedahkan nilai-nilai Islam kepada

mereka dengan harapan agar mereka benar-benar mengenali dan menerimanya sebagai satu budaya kerja yang berkesan.<sup>13</sup>

Walau bagaimanapun ahli akademik memberi pandangan yang hampir sama dengan pengertian penerapan nilai-nilai Islam yang diterangkan di atas. Mengikut pandangan Dr. Ainuddin Abd. Wahid, pengertian penerapan nilai-nilai Islam bermaksud untuk memasukkan nilai-nilai Islam di dalam pentadbiran awam Malaysia.<sup>14</sup>

Namun begitu menurut pandangan kerajaan, pengertian penerapan nilai-nilai Islam adalah lebih luas, merangkumi kesemua pandangan-pandangan yang diberikan oleh pelbagai pihak di atas. Menurut buku panduan yang dikeluarkan oleh kerajaan, penerapan nilai-nilai Islam adalah satu rancangan Malaysia untuk menanamkan nilai-nilai yang murni dan membina ke dalam pentadbiran negara sebagai satu jambatan yang diamanahkan dengan tanggungjawab pemerintah yang berteraskan keyakinan dan keimanan.<sup>15</sup>

Dari kenyataan ringkas di atas dapatlah disimpulkan bahawa perkataan “Penerapan” itu adalah menunjukkan kesamaran yang boleh menimbulkan berbagai macam kekeliruan.

Kerana itulah lahirnya definisi yang berbeza-beza. Ketidakseragaman dalam kefahaman tentang DPNI ini akan membawa kepada tidak dapat dilaksanakan dengan teliti dan teratur.

Untuk menangani masalah ini, selain dari usaha yang giat dijalankan oleh pehak kerajaan, kita hendaklah merebut peluang yang disediakan untuk meningkatkan kefahaman dan penghayatan Islam sebaik mungkin. Sebagai umat Islam marilah sama-sama menghayati al-Qur'an dan Sunnah Nabi agar masyarakat bukan Islam mengagumi dan menghormati agama, umat dan negara-negara Islam di dunia.

### **Nilai**

Nilai bererti sesuatu yang bernali atau yang baik. Dalam ertikata yang luas, ia merangkumi moral, keindahan dan sesuatu yang benar.<sup>16</sup>

Dari perspektif Islam, Nilai merangkumi keseluruhan aspek hidup insan, ini termasuk kedudukan sosial, jawatan, pendidikan, pentadbiran, politik, ekonomi, kebudayaan dan seterusnya kepada hubungan antarabangsa.<sup>17</sup>

Menurut Datuk Dr. Syed Othman Alhabshi, Islam sudah pasti mempunyai nilai-nilai sejagat yang tidak berubah dari dahulu hingga sekarang. Jika ada orang menyatakan nilai Islam itu berubah, maka orang itu sebenarnya tidak memahami nilai-nilai Islam. Menurut beliau nilai-nilai yang tidak sejagat akan menimbulkan konflik dalam diri seseorang.<sup>18</sup>

Dr. Mohd Nur Manut dalam membicarakan Wawasan 2020 ada menyatakan bahawa apa yang ditakuti gejala orang Melayu yang bersifat mementingkan diri dan hidup tanpa memikirkan orang lain akan menjadi ciri kepada Malaysia maju. Untuk itulah pembangunan nilai Islam adalah kemestian sebagai prasyarat

mewujudkan negara maju. Menurut beliau, pendekatan Islam amat logik iaitu kombinasi kemajuan di segi fizikal, aqidah dan rohaniah.<sup>19</sup>

Menurut beliau lagi, satu gejala yang membimbangkan kini ialah wujudnya generasi muda yang cuba melarikan diri dari nilai agama akibat pengaruh kuat nilai kehidupan moden yang berpandu kepada falsafah materialisme Barat.<sup>20</sup>

Berdasarkan kepada apa yang dijelaskan di atas, maka tidaklah menjadi hairan sekiranya didapati pada masa ini pihak pemimpin negara memberikan perhatian yang berat dan serius kepada masalah nilai. Usaha-usaha yang dijalankan seperti kempen Daya Pengeluaran Negara, Kepimpinan Melalui Teladan, Kumpulan Kawalan Mutu dan sebagainya adalah menggambarkan bahawa masyarakat Malaysia mestilah disedarkan tentang kepentingan nilai. Seorang pekerja, pegawai dan sebagainya akan diberi penghormatan dan disegani sekiranya mereka bekerja atau menjadi seorang pegawai yang benar-benar memberikan sumbangan kepada jabatan dengan menjalankan tugas-tugas yang diamanahkan kepadanya dengan penuh dedikasi. Ini juga bererti bahawa sekiranya seseorang pekerja atau pegawai yang tidak memberi sumbangan yang memuaskan boleh disifatkan sebagai orang yang tidak mengamalkan nilai-nilai yang baik.

Sifat malas, negatif, bercakap kosong, menyalahkan orang lain dan sebagainya adalah merupakan sifat-sifat yang bertentangan dengan nilai yang baik. Hasil yang dikeluarkan oleh sesuatu industri sekiranya mutunya rendah atau kadar pengeluarannya merosot adalah disebabkan oleh kurang penghargaan terhadap maruah diri dan bangsa serta negara.

Ringkasnya, dalam sebuah negara yang agama rasminya Islam, tidak wajar budaya hidup rakyatnya terlepas daripada diterapi oleh nilai-nilai Islam. Penulis sangat bersetuju dengan penegasan atau konsep yang dikemukakan oleh Wan Zahidi bin Wan Teh, bahawa Dasar Penerapan Nilai-nilai Islam sebenarnya adalah satu dasar yang luas dan terbuka; dengan ertikata ia merangkumi semua nilai dan hukum Islam yang menjadi kewajipan kerajaan melaksanakannya. Ia juga adalah satu dasar yang akan dijalani secara berterusan sehingga hal matlamat menegakkan Islam dalam sistem negara terlaksana dengan sepenuhnya.<sup>21</sup>

## Sejarah

Dari segi sejarahnya, alam Melayu atau Nusantara memang mempunyai hubungan yang agak lama dengan Islam. Penerimaan masyarakat Nusantara terhadap Islam dapat dilihat bukan setakat di peringkat bawahan sahaja, bahkan turut diperkuatkan dengan komitmen yang mendalam daripada golongan pemerintah tempatan.<sup>22</sup> Malah dilihat dari sudut nilai-nilai Islam dalam berbagai bidang kehidupan masyarakat Melayu ini, penerapan dan amalan mereka telah bermula sejak berkembangnya Islam secara besar-besaran di rantau tersebut pada abad ke 13M. Penerapan ini kemudiannya diperkuatkan oleh penerimaan istilah-istilah perundangan Islam dan institusi-institusinya ke dalam hukum adat Melayu.<sup>23</sup>

Kebiasaan, di mana sahaja terdapat perkembangan Islam, pasti akan

muncul tamadun yang menitikberatkan institusi pendidikan ilmu-ilmu Islam untuk tujuan kehidupan dunia dan akhirat. Hal yang sama telah berlaku di alam Melayu.

Sejarah telah mencatatkan bagaimana dengan penerimaan Islam di peringkat yang paling awal oleh kerajaan Melayu Samudera Pasai, kerajaan Acheh, kerajaan Melaka dan Pattani, institusi pengajian ilmu-ilmu Islam telah turut berkembang pesat.<sup>24</sup> Sekaligus masyarakat yang menerima Islam telah diserap masuk nilai-nilai murni seperti yang dibentuk oleh Rasulullah (s.a.w). Kepatuhan dan kesetiaan mengamalkan agama itu telah membantu ke arah pembentukan masyarakat yang bermoral dan beretika.

Walaupun begitu, kedatangan penjajah British yang mula bertapak di Tanah Melayu pada akhir abad ke 18M kemudiannya telah bertungkus lumus secara halus memisahkan agama daripada hal-hal pemerintahan dan pentadbiran dan akhirnya berjaya menghakiskan nilai-nilai Islam dari kehidupan masyarakat serentak dengan itu penjajah mula menabur benih-benih budaya mengikut acuan mereka. Sehingga sekarang walaupun negara mencapai kemerdekaan sejak tahun 1957, saki baki kesan penjajahan masih kelihatan yang sentiasa mencabar dan membawa keburukan iaitu dalam bentuk fahaman sekular.

Menurut Wan Zahidi Wan Teh, oleh kerana sistem pemerintahan yang ada hari ini adalah warisan peninggalan penjajah, terdapat beberapa peraturan dan undang-undang yang berjalan tidak bersesuaian dengan kehendak Islam. Menyedari hakikat ini, kerajaan telah melancarkan Dasar Penerapan Nilai-nilai Islam dalam pentadbiran negara. Menurut beliau, melalui dasar ini, segala yang bercanggah dengan Islam akan disesuaikan dengan kehendak Islam secara berperingkat dan dengan cara yang bijaksana.<sup>25</sup>

Semasa Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohammad merasmikan Seminar Kebangsaan mengenai konsep pembangunan dalam Islam, sempena menyambut ketibaan abad ke 15 Hijrah pada 10hb. Mac 1981 di Universiti Kebangsaan Malaysia, beliau telah mengesyorkan agar dibentuk satu badan perunding (consultative body) yang akan membuat penilaian-penilaian berhubung nilai-nilai Islam yang patut dijadikan asas dan pegangan kepada usaha-usaha pembangunan. Di antara ucapan beliau ialah:

“Saya juga suka mengesyorkan supaya dibentuk satu Badan Perunding (consultative body) yang terdiri daripada pegawai-pegawai kerajaan, sarjana-sarjana, golongan-golongan ikhtisas Islam yang akan dapat menapis dan membuat penilaian-penilaian berhubung dengan nilai-nilai Islam yang patut dijadikan asas dan pegangan kepada usaha-usaha pembangunan.

Para penapis ini juga akan menjadi sumber yang akan dapat memberikan “first opinion” dan “second opinion” di samping membuat penyesuaian-penyesuaian yang perlu terhadap bentuk-bentuk teknologi yang setakat ini terpaksa diimpor dari Barat. Pakar-pakar penapis ini seharusnya dapat mewarnakan ‘hard technology’ yang kita perlukan mengikut warna-warna Islam. Selain daripada itu usaha menilai projek-projek pembangunan kerajaan patutlah memasukkan satu dimensi yang

khusus yang merangkumi ciri-ciri, aspek-aspek dan lunas-lunas pembangunan dan kesejahteraan mengikut Islam. Sistem mengesan projek sosio-ekonomi Islam (Islam sosio-ekonomic monitoring system) mungkin perlu diberi perhatian seandainya syor-syor ke arah mengubahsuai struktur pembangunan secara Islam dapat diujudkan”

(Ucapan Pemangku Perdana Menteri 1981)<sup>26</sup>

Ekoran itu maka mesyuarat Jawatankuasa Kemajuan Hal Ehwal Agama Islam Malaysia yang dipengerusikan oleh Y.A.B. Timbalan Perdana Menteri pada 16hb. Jun 1981 telah mempersetuju penubuhan badan itu yang diberi nama Badan Perunding Islam. Badan ini telah diberi tanggungjawab untuk mengkaji dan menapisi perkara-perkara yang tidak sesuai dengan kehendak Islam,<sup>27</sup> sebagaimana yang telah disarankan oleh pemangku Perdana Menteri di dalam teks ucapannya yang tersebut di atas tadi. Langkah yang pertama yang ditunjukkan oleh pemerintah melalui penubuhan badan itu ialah melaksanakan satu dasar iaitu Dasar Penerapan Nilai-Nilai Islam Dalam Pentadbiran Awam Malaysia.

Dasar penerapan nilai-nilai Islam dalam pentadbiran awam Malaysia telah diperkenalkan semasa pemerintahan Dato' Seri Dr. Mahathir Bin Mohammad menjadi Perdana Menteri Malaysia. Beliau telah mengetengahkan dasar tersebut pada tahun 1982 iaitu ketika beliau membentangkan ucapan dasarnya di Perhimpunan Agong UMNO yang ke 34.<sup>28</sup>

Menurut Maznah Ali<sup>29</sup> bahawa pada dekad 80an kerajaan Malaysia yang diterajui oleh Dr. Mahathir Bin Mohammad telah mengejutkan para pentadbir Malaysia dengan mengenalkan satu dasar baru yang diberi nama Dasar Penerapan Nilai-Nilai Islam dalam pentadbiran Awam Malaysia. Pengenalan dasar ini adalah untuk membantu kerajaan membentras sebahagian pentadbir-pentadbir yang tidak berdisiplin dan tidak beramanah semasa menjalankan tugas mereka di dalam perkhidmatan. Pada pendapat beliau dengan penerapan nilai-nilai Islam dapat membantu meningkatkan produktiviti mereka kerana nilai-nilai Islam itu mendidik individu pekerja menunjukkan sikap yang baik seperti tekun semasa menjalankan tugas, amanah dengan kerja yang dipertanggungjawab, taat kepada ketua, tidak ponteng kerja, tidak membuang masa dengan berbual-bual kosong, dapat menyiapkan tugas pada waktu yang ditetapkan dan sebagainya. Inilah sebahagian dari nilai-nilai Islam yang hendak disuntikkan ke dalam jentera Perkhidmatan Awam Malaysia.

Dasar ini mengikut Perdana Menteri,<sup>30</sup> tidak bermaksud untuk mengislamkan orang-orang yang bukan Islam. Dasar ini hanya hendak menanamkan nilai-nilai Islam di dalam jiwa pentadbir-pentadbir Malaysia dari peringkat bawah hingga ke peringkat atas. Hanya melalui proses dasar ini sahaja masalah-masalah yang dihadapi pada masa kini boleh dihindarkan seperti produktiviti yang rendah, penyalahgunaan kuasa, penyelewengan, pembaziran harta-benda kerajaan yang berlaku dalam sektor-sektor awam dan amalan rasuah yang semakin hari semakin menjalar ke dalam agensi-agensi kerajaan dan badan-badan berkanun yang

dilakukan oleh kakitangan-kakitangan di peringkat rendah mahupun pentadbir-pentadbir kanan yang tidak beramanah dan tidak berdisiplin.

Akibat dari masalah-masalah di atas itu telah menimbul kebimbangan di pihak kerajaan dan menjadi bahan-bahan kritikan dari pelbagai pihak, maka satu langkah baru yang berpandukan kepada nilai-nilai Islam telah diperkenalkan oleh kerajaan pada tahun 1982 yang diberi nama Dasar Penerapan Nilai-Nilai Islam dalam Pentadbiran Awam Malaysia.<sup>31</sup>

Kini setiap rakyat di negara ini sedar bahawa Malaysia adalah negara kita dan tidak ada formula yang mudah untuk kita membangunkan sebuah negara. Keadaan yang kita kecapi sekarang ini setelah melalui rancangan selama tiga puluh tujuh tahun dan setelah beberapa lama dikongkong oleh penjajah. Badan Penerapan Nilai-nilai Islam yang ditubuh secara rasmi pada 22hb. Oktober 1984<sup>32</sup> adalah satu gerakan pembaharuan yang memerlukan komitmen dan pengorbanan seluruh rakyat. Mengikut ajaran Islam mewujudkan negara yang baik dan diredhai Allah, memakmurkan dunia dengan nilai-nilai Islam yang sebenar adalah sesuatu yang dituntut. Soal tercapai atau tidaknya hasrat tersebut ditentukan oleh kesediaan kita sendiri mengatasi segala cabaran yang timbul.

## **Penutup**

Di antara harapan para reformis Islam yang ingin memperbaharuhi segala sistem hidup agar selaras dengan kehendak *Rabbul-Alamin* dengan dasar penerapan nilai-nilai Islam dan cabaran realiti budaya di dalam masyarakat majmuk Malaysia sekarang terdapat jurang yang amat luas (besar) sekali. Hal ini berlaku kerana budaya hidup pada masa ini telah begitu lama dicengkam oleh fahaman sekular yang ditanam oleh penjajah. Fahaman sekular ini walaupun jelas bertentangan dengan roh Islam itu sendiri, tetapi amat susah untuk dihapuskan. Sejarah Malaysia telah mencatatkan bagaimana gerakan islah yang bertujuan hendak mengurangi fahaman sekular ini terpaksa berhadapan dengan pelbagai bentuk tentangan hebat yang dilakukan, bukan setakat oleh masyarakat awam, bahkan turut didorong oleh golongan umara' dan ulama Islam sendiri. Begitu juga kejahilan tentang kaedah Usul Fiqh dan kaedah dakwah yang sepatutnya dijadikan alat utama untuk tujuan penerapan nilai-nilai Islam telah mencatatkan gerakan reformasi atau islahisasi ini.

## NOTA HUJUNG

1. Y.A.B. Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad, Perdana Meneri Malaysia dalam buku *Nilai Etika Dalam Perkhidmatan Awam* (1991), Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN), Kuala Lumpur.
2. Lihat Institut Tadbiran Awam Negara, (INTAN), *Dasar-dasar Pembangunan Malaysia*, Kuala Lumpur, 1992, h. 201.
3. *Ibid.*, h. 202.
4. "Al-Din al-Qayyim" yang membawa maksud "Agama yang bernilai" ini diulangi empat kali dalam al-Qur'an: (1) ayat ini iaitu surah Yusuf ayat 40 (2) surah *al-Taubah* ayat 36. (3) surah *al-Rum* dua tempat iaitu ayat 30 dan (4) ayat 43 dari surah *al-Rum* dua tempat iaitu ayat 30 dan (4) ayat 43 dari surah yang sama. Di samping itu terdapat "Dinan Qiyaman" surah *al-An'am*, ayat 161 dan "Din al-Qayyimah" surah "*al-Bayyinah*" ayat 5.
5. Lihat Maznah binti Ali, "Dasar Penerapan Nilai-Nilai Islam Dalam Pentadbiran Awam Malaysia: Satu Kajian Persepsi Di Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) Bukit Kiara, Kuala Lumpur", Disertasi Fakulti Syariah U.M, 1991, h. 28.
6. Dr. Teuku Iskandar, Kamus Dewan, Kuala Lumpur, Dewan Bahasa Dan Pustaka (DBP), Kementerian Pelajaran, 1970, h. 1238.
7. Lihat, Maznah binti Ali, op.cit., h. 23 dan seterusnya; cf. Murray, James A.H., *The Oxford English Dictionary*, Oxford At The Clarendon, Press, 1933, Vo. 5, h. 351.
8. *Ibid.*
9. *Ibid.*
10. Elias, Elias A, and Elias ED.E., *Modern Dictionary English Arabic*, Cairo, Elias Modern Press, 1956, h. 49.
11. *Ibid.*, h. 520.
12. Lihat, Ibrahim Madkhur, *al-Mu'jam al-Wasit*, Kahirah, 1985, h. 577.
13. Lihat, Maznah binti Ali, op.cit., h. 27 - 28.
14. *Ibid.*, h. 28 - 29.
15. Panduan Rancangan Penerapan Nilai-Nilai Islam, Siri 2, Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri, t.t., h. 8.
16. Lihat, Encyclopedia Britannica, Vol. 22, cf. Maznah Ali, *op.cit.*, h. 32.
17. Lihat, Ahmad Ibrahim Abu Sin, *al-Idarah fi al-Islam*, al-Khartum, 1984, h. 171 - 175; cf. Maznah Ali, op.cit., h. 39.
18. Lihat, Mastika, April 1994, h. 17.
19. Lihat, Berita Harian, Sabtu 31 Ogos 1991.
20. *Ibid.*
21. Wan Zahidi Wan Teh, *Pembinaan Islam di Malaysia*, Bahagian Hal Ehwal Islam (JPM) Kuala Lumpur, 1993, h. 6.
22. Rahimin Affandi Abd. Rahim, "Reformasi Perundungan Islam Di Malaysia: Antara Impian Dan Realiti", dalam *JURNAL SYARIAH*, Jil. 1, Bil. 1, Januari 1993, h. 149.
23. Abd. Jalil bin Hj. Borhan, "Sejarah Awal Penulisan Dan Perlaksanaan Hukum Islam Di Nusantara", dalam *JURNAL SYARIAH*, Jil. 1, Bil. 1, Januari 1993, h. 49.

24. Rahimin Affandi Abd. Rahim, *op.cit.*, h. 51 - 52.
  25. Wan Zahidi Wan Teh, *op.cit.*, h. 5.
  26. Jabatan Perdana Menteri, "Seminar Kebangsaan Mengenai Konsep Pembangunan Dalam Islam" pada 10hb. hingga 12hb. Mac 1981, Anjuran Unit Penyelidikan Sosial Ekonomi, Kuala Lumpur, h. 5 cf. Maznah Ali *op.cit.*, h. 1 dan 2.
  27. Mohd. Zaini bin Mohd Talha, "Seminar Pentadbiran Islam Peringkat Kebangsaan" pada 9hb. hingga 10hb. Mac 1985 Anjuran Sekretariat NYDP - PMUKM, h. 2 dan 3.
  28. *Ibid.*, h. 1; cf. Maznah Ali *op.cit.*, h. 3.
  29. Maznah Ali *op.cit.*, h. 4 - 5.
  30. Perdana Menteri Malaysia, Dr. Mahathir bin Mohamad "Forum Khas" pada 9hb. Julai 1990, Televisyen Malaysia Rangkaian Satu jam 9.00 malam.
  31. Maznah Ali, *op.cit.*, h. 6 - 7.
  32. Tarikh yang didapati dari "hari ini dalam sejarah (RTM) 22.10.1993" rujuk Arkib Negara.